

# Mersing masih digenangi air bah

**JOHOR BAHRU** – Sebuah lagi pusat pemindahan sementara dibuka di Mersing semalam berikutan peningkatan jumlah mangsa banjir yang kini seramai 965 orang berbanding 530 orang pagi tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, pusat pemindahan Balai Raya Kampung Benaung dibuka pada pukul 9.30 pagi semalam menjadikan tujuh pusat dibuka di

daerah itu setakat ini.

“Kesemua 965 orang daripada 266 keluarga di Mersing itu merupakan penduduk Kampung Tenglu Besar, Kampung Air Papan, Kampung Baru Jemari, Kampung Sungai Muka Dua, Kampung Orang Asli Labong dan Kampung Air Merah yang terjejas banjir secara berperingkat mulai dua hari lepas,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Ayub berkata, selain Balai Raya Kampung Benaung,

enam pusat pemindahan lain ialah Balai Raya Kampung Tenglu Besar, Sekolah Kebangsaan (SK) Air Papan, Sekolah Agama (SA) Pengkalan Batu, SA Mersing Kanan, SK Labong dan Balai Raya Kampung Air Merah.

Beliau berkata, keadaan banjir di Segamat pula tidak berubah dengan 97 orang daripada 20 keluarga dari Kampung Seberang Batu Badak, Kampung Pogoh dan Kampung Tekam yang kekal berada di empat pusat

pemindahan sejak pagi semalam.

Ayub turut memaklumkan, Jalan Telok Arong di Mersing masih ditutup sepenuhnya akibat runtuh cerun dan orang ramai boleh menggunakan laluan alternatif iaitu Jalan Tanjung Resang-Jalan Mersing/Endau-Jalan Air Papan.

Jalan Johor Bahru-Kuantan pula hanya boleh dilalui kenderaan berat dan orang ramai boleh menggunakan jalan alternatif Jalan Sekakap-Meta.



**BEBERAPA** anggota penyelamat membantu mengangkat barangan mangsa banjir di Kampung Jemari, Mersing menggunakan bot semalam.